

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BLACK TIGER AQUACULTURE SDN. BHD.

Oleh

AZZAHA BIN AZMI

Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Isbatan Pengurusan Dan Pemasaran

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2005

1100037822

LI 5 FPE 4 2005



1100037822
Laporan akhir latihan industri di Black Tiger Aquaculture Sdn.
Bhd. / Azzaha Azmi.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

100037822	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI BLACK
TIGER AQUACULTURE
SDN.BHD.**

Oleh :

AZZAHA BIN AZMI
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
(Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi)
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100037822

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya , Azzaha Bin Azmi , no matrik UK7928

Mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri . Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) , KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama : Azzaha Bin Azmi

Tarikh : 22/11/2005

Disahkan Oleh :



WAN NORHAYATI WAN MUSA
Pensyarah
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
KUSTEM

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

SELAYANG PANDANG.....

Segala puji bagi Allah S.W.T yang Maha Pengasih, Pencipta Semesta Alam, selawat serta salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga dan sahabat baginda.....

Jutaan terima kasih kepada bonda dan ayahanda tersayang kerana dengan doa kalian, laporan ini dapat disiapkan sebaik-baiknya...

Tidak lupa juga, ku ucapkan jutaan terima kasih kepada isteri tercinta kerana dengan pengorbanan murni darimu dapatku siapkan laporan ini dengan jayanya....

Untuk teman-teman tersayang, terima kasih di atas dorongan yang telah diberikan....

Akhir kata, yang baik itu datangnye dari Allah S.W.T manakala yang buruk itu datangnye dari kelemahan saya sendiri.

Sekian terima kasih

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan laporan Latihan Industri. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dan sokongan daripada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan laporan ini.

Ucapan penghargaan ini saya ingin tujukan khas dan teristimewa untuk pensyarah saya, Puan Wan Norhayati Bt. Mohamed dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar secara profesional dalam menyiapkan laporan ini. Terima kasih sekali lagi kerana sentiasa bersedia untuk membantu apabila diperlukan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mr Segar A/L Tharmalingam, selaku pengurus ladang yang menjadi penyelia industri di Black Tiger Aquaculture Sdn. Bhd. (BTA). Tidak ketinggalan En. Ibrahim Bin Abdul Hamid selaku pembantu pengurus ladang, Pn Noor Aishah Bt Md Yassin selaku pembantu pengarah, yang sudi memberi tunjuk ajar dan kerjasama sepanjang saya menjalani Latihan Industri di BTA.

Tidak lupa juga kepada semua anggota BTA yang banyak memberi maklumat serta komitmen dan sokongan moral dalam merealisasikan ilmu yang saya pelajari semasa saya menjalani Latihan Praktikal di BTA. Semoga ia memberi sejuta manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

SENARAI ISI KANDUNGAN

Senarai Jadual	Muka Surat vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Gambarajah	ix
Ringkasan Eksekutif	x

BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Logo	4
1.1.2	Matlamat Organisasi	5
1.1.3	Misi Organisasi	6
1.1.4	Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	7
1.1.5	Kunci Kejayaan Organisasi	10
1.2	Maklumat Organisasi	13
1.3	Carta Organisasi	14
1.3.1	Unit	15
1.3.2	Tugas Dan Tanggungjawab Setiap Unit	16
1.4	Aktiviti Organisasi	23
1.5	Kemahiran Yang Ingin Di Pelajari	24

BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Sistem Pengurusan Makanan	26
2.1.1	Sistem Sedia Ada	30
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	31
2.1.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	31
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	33
2.1.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	34
2.2	Sistem Pengurusan Kolam Ternakan	35
2.2.1	Sistem Sedia Ada	45
2.2.2	Mengenalpasti Masalah	46
2.2.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	46
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	48
2.2.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	49
2.3	Sistem Penghasilan Produk	50
2.3.1	Sistem Sedia Ada	55
2.3.2	Mengenalpasti Masalah	56
2.3.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	56
2.3.4	Cadangan Penyelesaian	58
2.3.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	59

BAB 3 PENUTUP

3.1 Kesimpulan

60

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 1	Jenis, fungsi dan bilangan jentera	19
Jadual 2	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	25
Jadual 3	Penambahan atau Pengurangan Makanan	29
Jadual 4	Bahan Dalam Air Yang Sesuai Mengikut Kuantiti	39
Jadual 5	Cara Rawatan Air Kolam	40
Jadual 6	Penentuan Penambahan atau Pengurangan Makanan	41

SENARAI RAJAH

		Muka surat
Rajah 1	Carta Organisasi	14
Rajah 2	Sistem Pengurusan Makanan	30
Rajah 3	Sistem Pengurusan Kolam Ternakan	45
Rajah 4	Sistem Penghasilan Produk	55

SENARAI GAMBARAJAH

Muka Surat

Gambarajah 1 Logo Black Tiger Aquaculture Sdn.Bhd.

4

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi adalah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Pelatih telah memilih organisasi penternakan udang harimau iaitu, BLACK TIGER AQUACULTURE SDN.BHD. (BTA) yang terletak di Kg. Pianggu Endau, Rompin Pahang Darul Makmur sebagai tempat untuk menjalani latihan industri. BTA, merupakan salah sebuah syarikat sedirian berhad. BTA juga merupakan syarikat kepunyaan Grobest Corporation (M) Sdn.Bhd dan merupakan perbadanan luar negara Malaysia iaitu syarikat di Nebraska di USA. Ia terlibat dalam bidang penternakan udang harimau terbesar di Malaysia yang terletak di negeri Pahang Darul Makmur. Operasi syarikat ini ialah, berdasarkan kepada kepakaran dalam bidang penternakan moden dan juga menjadi antara pembekal bahan proten makanan negara.

Selama menjalani Latihan Industri di Syarikat BTA, pelatih telah di berikan tunjuk ajar dan pendedahan mengenai operasi dan pentadbiran sesebuah syarikat penternakan udang harimau. Sepanjang Latihan Industri ini juga, pelbagai pendekatan telah di praktikkan agar segala tugas yang di beri dapat di lakukan dengan cekap dan berkesan. Penyelia industri menempatkan pelatih di pelbagai unit, dengan itu pelatih dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem yang di jalankan malah di beri penekanan dalam urusan penghasilan produk syarikat dan operasi yang dijalankan dalam syarikat. Pelatih dapat mengaplikasikan bidang pengajian kepada bidang pekerjaan terutama cara bagaimana untuk berhadapan dan berinteraksi dengan pelanggan, mentadbir organisasi supaya menjadikannya lebih cekap dan teratur, menyesuaikan diri dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan.

Sepanjang Latihan Industri, pelatih telah membuat pemerhatian dan mengesan sistem sedia ada yang terdapat di cawangan ini. Penemuan pertama melibatkan bahagian pengurusan iaitu, sistem pengurusan makanan udang. Dari pemerhatian kasar pelatih, syarikat mempunyai beberapa masalah terutamanya dalam penyimpanan data yang kurang teratur serta mudah hilang, perhubungan yang kurang baik di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain dan kekurangan pekerja. Penemuan ke dua ialah, sistem penghasilan produk. Sistem ini juga mempunyai masalah seperti kekurangan pekerja mahir dan kekurangan kolam raceways. Penemuan terakhir pula ialah, sistem pengurusan kolam ternakan. Dalam sistem ini, syarikat mempunyai masalah dari segi pembahagian kerja dan keselamatan serta kebajikan pekerja terabai. Walaupun mempunyai masalah di dalam sistem, namun pelatih telah mengenal pasti cadangan penyelesaian dan implikasinya.